

Kerajaan teliti tambah vaksin untuk Sarawak

Pusat perhalusi permohonan selepas terima fakta daripada Ketua Menteri

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Kerajaan Persekutuan sedia mempertimbangkan permohonan Sarawak untuk menambah jumlah vaksin COVID-19 ke negeri itu.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu sudah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa COVID-19 Kebangsaan.

Beliau berkata, ia akan diteliti selepas fakta yang diberikan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang

Openg serta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak yang mahukan proses vaksinasi menyeluruh perlu dilaksanakan segera di negeri ini.

“Saya faham, itu keperluan bagi menyegerakan proses vaksinasi untuk kumpulan yang terkesan di zon merah di Sarawak.

“Kita (Kerajaan Persekutuan) pada dasarnya setuju, tetapi perlu melihatnya secara terperinci kerana ada juga negeri lain yang mahu jumlah vaksin yang digahikan ditambah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke projek menaik taraf Hospital Umum Sarawak (HUS), hari ini.

Muhyiddin berkata, penambahan jumlah vaksin untuk digahikan ke setiap negeri perlu diperinci kerana pembekal menghantar secara berperingkat.

Justeru katanya, beliau meng-



Muhyiddin bersama Abang Johari ketika melihat kemudahan baharu bilik pembedahan Hospital Umum Sarawak di Kuching, semalam.

(Foto BERNAMA)

gesa Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba untuk berunding dari awal dengan syarikat pengeluar vaksin.

“Kita sudah berjaya menangani isu pembelian vaksin itu dan jumlah yang kita peroleh adalah sebanyak 150 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia,” katanya.

Mengenai hasrat Sarawak untuk membeli sendiri vaksin COVID-19, Muhyiddin berkata, pada

dasarnya Kerajaan Persekutuan bersetuju kerana ia akan memantapkan lagi usaha menangani wabak berkenaan.

“Bagaimanapun yang menjadi persoalannya sama ada vaksin itu boleh diperoleh atau tidak, kerana bukan mudah untuk mendapatkannya.

“Bukan sahaja negeri, malah ada negara yang masih belum berjaya mendapat vaksin itu,” katanya.

Pada lawatan itu, Muhyiddin dan Abang Johari sempat me-

nikmati sarapan Mi Sapi Haji Salleh di Sepinang Sari Cafe di Satok.

Perdana Menteri turut meluangkan masa kira-kira 45 minit meninjau operasi peniaga kecil di Medan Niaga Satok, antara kompleks perniagaan terbesar untuk usahawan kecil di negara ini.

Lawatan Perdana Menteri diiringi isteri, Puan Sri Norainee Abdul Rahman, Abang Johari dan beberapa menteri Persekutuan dan negeri.